



PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN MAC 2014 DAN TEMPOH JANUARI-MAC 2014[#]

Pertumbuhan Eksport Kukuh

Eksport pada Mac 2014 meningkat 8.4% kepada RM65.03 bilion dan import meningkat 0.5% kepada RM55.43 bilion berbanding Mac 2013. Lebihan dagangan meningkat 96.8% kepada RM9.59 bilion pada Mac 2014.

Jumlah perdagangan Malaysia pada Mac 2014 meningkat 4.6% kepada RM120.46 bilion berbanding tahun lalu. Peningkatan dalam perdagangan disumbangkan terutamanya oleh perdagangan yang lebih tinggi dengan Singapura, yang meningkat RM2.21 bilion, Taiwan (↑RM1.64 bilion), Australia (↑RM1.06 bilion), Belanda (↑RM854.7 juta), Hong Kong (↑RM391.6 juta) dan New Zealand (↑RM366.3 juta).

E&E Pemacu Eksport

Eksport barangan perkilangan bernilai RM43.86 bilion atau 67.4% daripada jumlah eksport pada Mac 2014, meningkat 8.5% atau RM3.44 bilion berbanding Mac 2013. Peningkatan eksport disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E) terutamanya litar bersepadu elektronik, alatan pemancar atau penerima suara, imej dan data serta alat ganti dan aksesori bagi peralatan telekomunikasi.

Eksport hasil galian mengembang 11% kepada RM14.89 bilion atau 22.9% daripada jumlah eksport disumbangkan oleh kenaikan eksport keluaran petroleum ditapis. Eksport keluaran pertanian meningkat kepada RM5.77 bilion, merangkumi 8.9% syer daripada jumlah eksport disumbangkan terutamanya oleh peningkatan eksport minyak sawit.

Barangan eksport utama pada bulan Mac 2014 adalah seperti berikut:

- Barangan elektrik dan elektronik bernilai RM20.95 bilion, dengan syer 32.2% daripada jumlah eksport, meningkat 6.2% berbanding Mac 2013;
- Keluaran petroleum ditapis (RM6.05 bilion, 9.3%, ↑30.8%);
- Gas asli cecair (RM5.48 bilion, 8.4%, ↑3.2%);
- Kimia dan bahan kimia (RM4.57 bilion, 7%, ↑10.8%); dan
- Minyak sawit termasuk minyak sawit mentah; *fractionated palm oil*; isirong, olein dan stearin minyak sawit (RM3.78 bilion, 5.8%, ↑4%).

Eksport ke Pasaran Utama

Eksport ke **ASEAN** meningkat 10.9% kepada RM18.47 bilion, merangkumi 28.4% daripada jumlah eksport Malaysia pada Mac 2014. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan eksport keluaran petroleum ditapis, minyak sawit, barangan E&E, barangan optik dan saintifik serta kimia dan bahan kimia.

Pecahan eksport ke negara ASEAN seperti berikut:

- | | |
|-------------|--|
| • Singapura | RM 9.36 bilion, <u>meningkat</u> 17.5% |
| • Thailand | RM 3.48 bilion, ↓8% |
| • Indonesia | RM 2.97 bilion, ↑9.2% |
| • Vietnam | RM 1.22 bilion, ↑28.8% |
| • Filipina | RM 912.1 juta, ↑9.1% |
| • Myanmar | RM 257.8 juta, ↑55.7% |
| • Brunei | RM 182.0 juta, ↑18.3% |
| • Kemboja | RM 64.1 juta, ↑4.1% |
| • Lao PDR | RM 8.3 juta, ↑131.3% |

Eksport ke Republik Rakyat China (RRC) menurun 1.8% kepada RM7.79 bilion berbanding Mac 2013 disebabkan eksport komoditi yang lebih rendah. Eksport barangan perkilangan ke RRC meningkat 4.4%.

Eksport ke Jepun mencatatkan nilai RM7.29 bilion berbanding RM7.36 bilion pada Mac tahun lalu. Ini disebabkan penurunan eksport petroleum mentah dan gas asli cecair (LNG).

Secara keseluruhannya, eksport ke Kesatuan Eropah (EU) mengembang 14.1% kepada RM6.04 bilion pada Mac 2014, disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport ke Belanda, Jerman dan United Kingdom. Dari segi barangan, eksport yang lebih tinggi dicatatkan bagi barangan E&E terutamanya alat ganti dan aksesori untuk komputer, kimia dan bahan kimia serta minyak sawit.

Sepuluh pasaran eksport utama EU pada Mac 2014 adalah:

- Belanda RM 1.93 bilion, meningkat 31%
- Jerman RM 1.55 bilion, ↑10.7%
- United Kingdom RM 688.6 juta, ↑18.7%
- Perancis RM 441.2 juta, ↓9.8%
- Itali RM 277.0 juta, ↓5.1%
- Belgium RM 205.0 juta, ↑4.2%
- Sepanyol RM 135.8 juta, ↑40.9%
- Sweden RM 104.2 juta, ↓26.9%
- Poland RM 100.7 juta, ↑54.8%
- Republik Czech RM 83.8 juta, ↑1.5%

Eksport ke Amerika Syarikat (AS) meningkat 5.2% kepada RM5.17 bilion pada Mac 2014, disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport minyak sawit, barangan perkilangan logam, kimia dan bahan kimia serta jentera, perkakasan dan peralatan.

Pasaran lain yang mencatatkan peningkatan eksport ketara adalah Australia mengembang sebanyak RM917.4 juta; Taiwan (↑RM681 juta); Hong Kong (↑RM385.7 juta); New Zealand (↑RM336.6 juta) dan Republik Korea (ROK) (↑RM234.5 juta).

Import pada Mac 2014

Jumlah import pada Mac 2014 meningkat 0.5% kepada RM55.43 bilion berbanding Mac 2013. Tiga kategori import utama mengikut penggunaan akhir adalah:

- Barang pengantara bernilai RM32.24 bilion atau 58.2% syer daripada jumlah import, menurun 3.4%;
- Barang modal (RM8.3 bilion atau 15% daripada jumlah import, ↓8.8%); dan
- Barang penggunaan (RM4.36 bilion atau 7.9% daripada jumlah import, ↑19.6%).

Barangan import utama seperti berikut:

- Barangan E&E, RM14.95 bilion atau 27% syer daripada jumlah import, menurun 1%;
- Keluaran petroleum ditapis (RM6.33 bilion atau 11.4% daripada jumlah import, ↑13.1%); dan
- Kimia dan bahan kimia (RM5.16 bilion atau 9.3% daripada jumlah import, ↑13.7%).

Sumber import utama seperti berikut:

	<u>Nilai import</u> <u>(RM bilion)</u>	<u>Syer kepada</u> <u>jumlah import (%)</u>
• RRC	8.72	15.7
• Singapura	7.24	13.1
• Jepun	4.99	9.0
• AS	4.62	8.3
• Thailand	3.32	6.0

Jumlah import dari ASEAN bernilai RM14.86 bilion, merangkumi 26.8% daripada jumlah import Malaysia pada Mac 2014.

Perdagangan Suku Pertama 2014, Naik 8.3%

Jumlah perdagangan Malaysia bagi tempoh Januari-Mac 2014 bernilai RM349.44 bilion, meningkat 8.3% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013. Eksport meningkat 10.9% kepada RM187.91 bilion manakala import mengembang 5.5% kepada RM161.53 bilion. Lebih dagangan sebanyak RM26.39 bilion dicatatkan bagi tempoh tersebut.

Peningkatan ketara perdagangan dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini direkodkan dengan RRC, meningkat 8.7%; ASEAN, ↑4%; Jepun, ↑6%; EU, ↑4.3% dan AS, ↑5.1%. Pasaran lain yang mencatatkan peningkatan perdagangan dengan Malaysia adalah Australia, ↑29.8%; Taiwan, ↑27.3%; Hong Kong, ↑25.2%; ROK, ↑9.7% dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), ↑18.3%.

Perdagangan dengan ASEAN bernilai RM94.82 bilion merangkumi 27.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport meningkat 3.6% kepada RM51.65 bilion manakala import mengembang 4.5% kepada RM43.17 bilion. Eksport barangan perkilangan ke ASEAN kekal kukuh dengan peningkatan sebanyak 6.4% atau RM2.12 bilion disumbangkan oleh eksport yang tinggi bagi barangan E&E terutamanya alat ganti litar bersepadu elektronik, kimia dan bahan kimia khususnya polimer etilena serta barangan optik dan saintifik terutamanya peralatan dan kelengkapan mengawal selia automatik. Barangan import utama dari ASEAN ialah keluaran petroleum ditapis, barangan E&E serta kimia dan bahan kimia.

Perdagangan dengan RRC meningkat 8.7% kepada RM48.62 bilion bagi tempoh tiga bulan pertama 2014. Eksport meningkat 15.3% kepada RM23.49 bilion manakala import meningkat 3.2% kepada RM25.13 bilion. Peningkatan eksport ke RRC disumbangkan oleh peningkatan eksport barangan perkilangan logam, keluaran petroleum serta barangan E&E terutamanya litar bersepadu elektronik. Barangan import utama dari RRC ialah barangan E&E, jentera, perkakasan dan peralatan serta kimia dan bahan kimia.

Eksport ke Jepun mengembang 9.2% kepada RM22.34 bilion manakala import meningkat 1.2% kepada RM13.71 bilion dengan jumlah perdagangan meningkat 6% kepada RM36.05 bilion. Eksport yang lebih tinggi dicatatkan bagi LNG dengan peningkatan sebanyak 8.2% dan barangan E&E meningkat 20.6% khasnya alat penerima siaran televisyen dan semikonduktor fotosensitif. Barangan import utama dari Jepun ialah barangan E&E, jentera, perkakasan dan peralatan serta barangan besi dan keluli.

Perdagangan dengan EU meningkat 4.3% kepada RM33.62 bilion dengan eksport mengembang 18.5% kepada RM17.59 bilion. Import menyusut 7.8% kepada RM16.03 bilion. Eksport ke EU meningkat disumbangkan oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan E&E sebanyak 24.1%, terutamanya litar bersepadu elektronik serta minyak sawit. Barangan import utama dari EU ialah barangan E&E, jentera, perkakasan dan peralatan serta kelengkapan pengangkutan.

Perdagangan dengan AS meningkat 5.1% kepada RM27.39 bilion pada suku pertama 2014. Eksport meningkat 4.2% kepada RM14.67 bilion dan import mengembang 6.2% kepada RM12.72 bilion. Peningkatan eksport dicatatkan hasil kenaikan eksport yang lebih tinggi bagi barangan E&E sebanyak 3%. Barangan import utama dari AS ialah barangan E&E, kelengkapan pengangkutan serta jentera, perkakasan dan peralatan.

Sepuluh pasaran eksport utama Malaysia seperti berikut:

	<u>Nilai eksport (RM bilion)</u>	<u>Syer kepada jumlah eksport (%)</u>
• Singapura	26.21	13.9
• RRC	23.49	12.5
• Jepun	22.34	11.9
• AS	14.67	7.8
• Thailand	9.91	5.3
• Hong Kong	8.59	4.6
• Australia	8.44	4.5
• Indonesia	8.22	4.4
• ROK	7.84	4.2
• India	6.59	3.5

Eksport Pada Suku Pertama 2014

Eksport barangan perkilangan bagi tempoh Januari-Mac 2014 meningkat 13% kepada RM125.03 bilion, merangkumi 66.5% daripada jumlah eksport. Peningkatan eksport barangan perkilangan disumbangkan terutamanya oleh eksport barangan E&E yang tinggi iaitu sebanyak 12.5%, khususnya litar bersepadu elektronik. Barangan perkilangan lain yang mencatatkan peningkatan bagi tempoh ini ialah barangan perkilangan logam, kimia dan bahan kimia, jentera, perkakasan dan peralatan serta keluaran petroleum.

Eksport hasil galian, meningkat 9.2% atau RM3.74 bilion kepada RM44.44 bilion. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport LNG yang meningkat sebanyak 15.8%.

Eksport keluaran pertanian, meningkat 2% atau RM340.8 juta kepada RM17.04 bilion. Eksport minyak sawit meningkat 3.9%, disumbangkan oleh harga yang tinggi.

Import Pada Suku Pertama 2014

Jumlah import bagi tempoh Januari-Mac 2014 meningkat 5.5% kepada RM161.53 bilion. Tiga kategori import utama mengikut penggunaan akhir:

- Barang pengantara bernilai RM94.03 bilion atau 58.2% syer daripada jumlah import, meningkat 4.4% berbanding tempoh yang sama tahun 2013;
- Barang modal (RM22.74 bilion atau 14.1% daripada jumlah import), ↓6.5%; dan
- Barang penggunaan (RM12.14 bilion atau 7.5% daripada jumlah import), ↑15.6%.

Sumber import utama seperti berikut:

	<u>Nilai import</u> <u>(RM bilion)</u>	<u>Syer kepada</u> <u>jumlah import (%)</u>
• RRC	25.13	15.6
• Singapura	21.52	13.3
• Jepun	13.71	8.5
• AS	12.72	7.9
• Thailand	9.55	5.9

Jumlah import dari ASEAN bernilai RM43.17 bilion, merangkumi 26.7% daripada jumlah import Malaysia.

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi yang tidak selaras sepenuhnya dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai "barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".

*Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1801, Rabu, **7 Mei 2014**.*

Laporan ini boleh diakses daripada Laman Web Jabatan Perangkaan Malaysia (<http://www.statistics.gov.my>) di bawah keluaran terkini: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).

Data bulan Mac 2014 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah</u> <u>Eksport</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)
2013 ^p				
Januari	56,992.9	53,724.5	3,268.4	110,717.4
Februari	52,461.5	44,255.0	8,206.5	96,716.4
Mac	60,012.2	55,137.6	4,874.7	115,149.8
April	55,808.8	54,769.2	1,039.6	110,578.0
Mei	55,791.6	52,914.9	2,876.7	108,706.5
Jun	56,748.8	52,432.2	4,316.6	109,181.1
Julai	60,726.1	57,868.4	2,857.7	118,594.6
Ogos	62,900.7	55,789.4	7,111.2	118,690.1
September	63,275.5	54,613.2	8,662.3	117,888.6
Oktober	67,108.2	58,876.3	8,231.9	125,984.5
November	62,245.2	52,533.5	9,711.7	114,778.7
Disember	65,743.3	56,154.2	9,589.1	121,897.5
2013^p	719,814.8	649,068.4	70,746.5	1,368,883.2
2014 ^p				
Januari	63,973.9	57,618.8	6,355.1	121,592.8
Februari	58,912.2	48,475.5	10,436.8	107,387.7
Mac	65,028.8	55,434.9	9,593.9	120,463.7
2013 (Jan-Mac)^p	169,466.6	153,117.1	16,349.5	322,583.7
2014 (Jan-Mac)^p	187,915.0	161,529.2	26,385.8	349,444.1

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	Mac 2014 ^p	Februari 2014 ^p	Mac 2013 ^p
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	65,028.8	58,912.2	60,012.2
Barangan E&E	20,954.8	18,606.5	19,731.6
Keluaran Petroleum Ditapis	6,045.6	5,268.8	4,623.2
LNG	5,475.7	5,652.5	5,306.1
Kimia dan Bahan Kimia	4,569.1	4,096.5	4,122.4
Minyak Sawit	3,779.3	3,724.5	3,634.2
Petroleum Mentah	2,806.9	2,360.9	3,006.8
Jentera, Perkakasan dan Peralatan	2,661.8	2,164.5	2,353.4
Barangan Perkilangan Logam	2,260.2	2,228.5	1,835.7
Barangan Optik dan Saintifik	1,984.2	1,679.9	1,799.7
Keluaran Getah	1,538.7	1,419.1	1,837.4

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	Mac 2014 ^p	Februari 2014 ^p	Mac 2013 ^p
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	65,028.8	58,912.2	60,012.2
Singapura	9,361.8	8,227.3	7,970.7
RRC	7,787.6	7,358.2	7,930.0
Jepun	7,294.2	7,519.5	7,359.7
AS	5,165.5	4,529.5	4,912.3
Thailand	3,484.9	3,035.0	3,787.5
Indonesia	2,971.4	2,246.1	2,720.4
Australia	2,911.6	2,458.4	1,994.2
Hong Kong	2,880.2	2,468.0	2,494.4
ROK	2,565.6	2,196.1	2,331.1
Taiwan	2,319.6	1,737.8	1,638.6

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI -MAC)

Barangan	Jan-Mac 2014 ^p	Jan-Mac 2013 ^p
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	187,915.0	169,466.6
Barangan E&E	60,115.5	53,419.0
Keluaran Petroleum Ditapis	17,573.5	16,002.1
LNG	17,318.8	14,953.8
Kimia dan Bahan Kimia	12,573.2	11,603.1
Minyak Sawit	11,386.0	10,962.1
Petroleum Mentah	7,943.3	8,427.8
Barangan Perkilangan Logam	7,095.6	5,706.1
Jentera, Perkakasan dan Peralatan	7,015.2	6,102.9
Barangan Optik dan Saintifik	5,433.8	4,935.4
Keluaran Getah	4,411.9	4,873.1

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI -MAC)

Pasaran	Jan-Mac 2014 ^p	Jan-Mac 2013 ^p
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	187,915.0	169,466.6
Singapura	26,205.5	24,772.9
RRC	23,492.2	20,381.8
Jepun	22,337.4	20,461.1
AS	14,665.8	14,076.1
Thailand	9,912.1	10,381.5
Hong Kong	8,585.8	6,358.6
Australia	8,444.4	6,168.3
Indonesia	8,216.2	8,205.9
ROK	7,835.6	6,758.7
India	6,589.2	5,980.2

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia
Disusun oleh: MATRADE

Nota:

p – data provisional

**MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
MALAYSIA**

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2006-2014

